

PENGENALAN KAJIAN

Pada umumnya, hari ini wanita semakin maju dan kedudukan mereka dikatakan hampir setaraf dengan lelaki. Penglibatan dan kerjaya mereka tidak lagi tertumpu kepada bidang-bidang tradisional seperti perguruan atau kejururawatan. Sebaliknya kaum wanita berjaya menembusi dominasi kaum lelaki dalam bidang-bidang kehakiman, kejuruteraan, politik dan ekonomi dan memainkan peranan mereka dengan baik. Bilangan kaum wanita dalam bidang-bidang yang pernah didominasi oleh kaum lelaki itu semakin bertambah. Terdapat pelbagai teori yang mengatakan bahawa kedudukan wanita telah bertambah baik hasil daripada proses modernisasi dan industrialisasi. Alice Clerk (1919) mendakwa ianya lebih merendahkan lagi status wanita dalam masyarakat moden sementara Edward Shorter (1976) mengatakan yang kedua-dua proses ini telah membebaskan wanita daripada sistem patriaki.¹ Barbara Ehrenreich (1979) dan Deidre English (1979) mengambil kedua pendapat ini serta menjustifikasikannya dengan mengatakan bahawa modernisasi adalah bersaedah bagi wanita kerana ia membebaskan wanita daripada sistem patriaki tetapi pada masa yang sama menjadikan kedudukan wanita semakin rendah, menyebabkan mereka tunduk kepada kaum lelaki.² Malah pembangunan yang menggalakkan wanita untuk turut terlibat sebenarnya lebih menyebabkan mereka terperangkap menjadi subordinat kepada kaum lelaki.³

¹ Bradley, Harriet., "Changing Social Structures: Class & Gender", dalam Stuart Hall & Brem Gieben (pnyt), **Formation of Modern Society**, Cambridge, Polity Press, 1992, m.s. 183-184.

² Ibid., m.s. 185.

³ Hanapi Dollah, "Za'ba Sebagai Feminis: Wanita Melayu Dalam Dunia Lelakinya", dalam Wan Abdul Kadir (pnyt), **100 tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa**, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995, m.s 334-339.

Pada hakikatnya, di dalam mana-mana masyarakat, wanita dan lelaki tidak pernah mempunyai persamaan hak dalam semua bidang. Walaupun wanita memainkan peranan penting dalam sesebuah masyarakat, namun status mereka masih tetap dipandang rendah berbanding dengan lelaki.⁴ Mazianah Abdul Muin (1996) menegaskan bahawa teks-teks kajian persejarahan Malaysia seperti **Sejarah Melayu**, **Salasilah Melayu** dan **Hikayat Seri Kelantan** menunjukkan kaum lelaki Melayu pada zaman tradisional mempunyai kedudukan yang lebih *superior* daripada wanita.⁵ Walaupun sebagai seorang warganegara yang dijamin hak yang sama tetapi secara realitinya terdapat juga ketidaksamaan dan diskriminasi terhadap wanita.⁶

Kebanyakan persoalan mengenai status wanita tertumpu kepada sistem patriaki yang mengamalkan subordinasi, dominasi dan pergantungan wanita di dalam hubungan antara lelaki dan wanita.⁷ Walaupun kedudukan wanita telah meningkat, mereka masih tidak memperolehi peluang dan hak yang sama seperti lelaki. Tanggapan dan sikap diskriminasi ini tetap ada misalnya, menurut seorang pegawai kerajaan Bangladesh berikutan kemenangan Sheikh Hasina Wejed sebagai presiden dalam tahun 1996, wanita akan sentiasa dilayan lebih rendah tarafnya daripada lelaki walaupun mereka diterima untuk memimpin kaum lelaki.⁸ Maznah Mohamed (1998), Couillard (1990) dan Huthéesing (1994) juga mengakui bahawa dunia lelaki dan wanita mempunyai struktur

⁴ Mazianah Abdul Muin, "Wanita Melayu dan Kegiatan Sosial", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1996, m.s. 3.

⁵ Ibid.

⁶ Devaki Krishnan, "Religion and Culture: Prohibitive Factors For Women's Participation in Politics", dalam Robert Haas & Rahmah Hasyim (pnyt), **Malaysian Women: Creating Their Political Awareness**, Kuala Lumpur, Asian Institute For Development Community, 1994, m.s. 62.

⁷ Seth, R. M., **Modernisation of Working Women in Development Societies**, India, National Publishing House, 1976, m.s. 61.

⁸ **The Star**, 28 Jun 1996.

yang tersendiri dan berbeza di antara satu sama lain tetapi lelaki sentiasa berjaya mempengaruhi dan menguasai wanita dalam dunia mereka sendiri.⁹ Oleh itu bukanlah suatu perkara yang ganjil apabila diskriminasi masih terus wujud terhadap wanita terutamanya di dalam arena politik.¹⁰

Kepercayaan dan struktur sosial sesuatu masyarakat menentukan peranan yang perlu dimainkan oleh kaum wanita dan lelaki telah diwarisi sejak zaman berzaman.¹¹ Perkara-perkara yang berkaitan dengan wanita dikaitkan dengan kekeluargaan melalui ideologi institusi keluarga yang memisahkan kehidupan seorang wanita daripada kehidupan awam.¹² Malah perkembangan wanita dalam bidang politik juga berkait rapat dengan kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu. Disebabkan masalah perbezaan hubungan gender di dalam bidang-bidang tertentu maka perlunya wanita untuk terlibat dalam politik bagi menangani masalah mereka.

Sementara itu, peningkatan kedudukan kaum wanita Melayu pada hari ini tidak dinafikan adalah hasil sumbangan daripada perjuangan awal tokoh-tokoh wanita yang berusaha membaiki corak hidup wanita. Ini termasuk mereka yang bergerak aktif melalui parti-parti politik. Pada awalnya kebanyakkan pertubuhan yang disertai oleh kaum wanita lebih menjurus kepada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran rumahtangga dan kerja tangan. Ada juga yang menunjukkan keperihatinan mereka terhadap kedudukan

⁹ Maznah Mohamed, "Feminisme dan Kuasa", dalam Rokiah Talib dan Shanti Thambiah (pnyt), **Gender, Budaya dan Masyarakat**, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1998, m.s. 218.

¹⁰ **Utusan Malaysia**, 23 April, 1996.

¹¹ Grieve, N. & Burns, A., **Australian Women: New Feminist Perspectives**, Melbourne, Oxford Uni Press, 1986, m.s. 6.

¹² Pritchard, H.K., **Contemporary Australian Feminism**, Melbourne, Longman Cashire, 1994, m.s. 93.

wanita dalam bidang pendidikan.¹³ Kemuncak daripada idea penonjolan wanita ini menyaksikan munculnya penentangan yang menyeluruh daripada kaum wanita terhadap cadangan British untuk melaksanakan Malayan Union di Tanah Melayu. Ia telah menyebabkan wanita mula menceburi bidang-bidang awam serta penglibatan yang memberansangkan dalam politik. Penyertaan kaum wanita dalam Pergerakan Kaum Ibu UMNO dan Dewan Muslimat PAS merupakan sebahagian daripada impak perkembangan emansipasi ini.

1.1. TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji hubungan gender dalam politik dengan melihat kepada peranan wanita dalam bidang ini melalui persepsi lelaki dan wanita Melayu. Tumpuan diberikan kepada dua parti Melayu terbesar iaitu parti Pertubuhan Kebangsaan Bersatu (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Golongan wanita di dalam kedua-dua parti ini menjadi kumpulan sasaran utama pengkajian. Walaupun wanita mewakili kira-kira 50% daripada ahli parti UMNO dan parti PAS, namun persepsi masyarakat mengenai hubungan gender khususnya peranan wanita dalam politik menghalang mereka daripada menjadi ahli parti yang aktif di peringkat membuat keputusan. Persoalannya, adakah persepsi ini yang menentukan perkembangan dan penglibatan wanita dalam politik?

Kajian ini akan dilakukan dengan membuat perbandingan di antara wanita UMNO dan wanita PAS dengan tiga objektif utama seperti berikut:

¹³ Manderson, L., Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO 1945-1972, (terjemahan oleh Samsudin Jaapar), Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti, 1981, m.s. 28.

- (i) **Objektif pertama** kajian ini ialah untuk meneliti hubungan gender dalam politik melalui penglibatan wanita UMNO dan wanita PAS. Analisa kajian akan tertumpu kepada latar belakang demografi bagi tahap penglibatan politik kaum wanita.
- (ii) **Objektif kedua** pula ialah meneliti ekspektasi peranan gender dan bagaimana ia mempengaruhi pola penglibatan wanita di dalam politik. Penelitian ini akan dibuat dengan mengkaji sama ada wujud sebarang perbezaan atau persamaan di antara lelaki UMNO dan lelaki PAS serta wanita UMNO dan wanita PAS mengenai persepsi mereka terhadap ekspektasi peranan gender dan pengaruhnya ke dalam politik.
- (iii) **Objektif ketiga** pula untuk melihat sikap dan tingkahlaku politik wanita dan hubungannya dengan perkembangan penyertaan wanita dalam bidang politik.

Pengkaji mengemukakan tiga hipotesis utama:

- a. Diskriminasi gender sememangnya wujud di dalam politik sehingga membataskan penglibatan kaum wanita secara lebih berkesan
- b. Ketidaksamaan hubungan gender menyebabkan wujudnya jurang perbezaan dari segi bilangan wanita di peringkat pucuk pimpinan
- c. Wanita UMNO telah menunjukkan kemajuan yang besar dalam politik berbanding dengan Muslimat PAS dari segi sikap yang lebih positif terhadap politik dan potensi untuk membawa wanita kepada kedudukan yang lebih baik di peringkat membuat keputusan.

Ketiga-tiga objektif dan hipotesis di atas akan menjadi teras utama kepada penyelidikan ini.

1.2. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenai kedudukan dan peranan wanita dalam bidang politik menjadi tumpuan pengkaji kerana tidak banyak penulis yang membuat kajian tentang hubungan gender dalam masyarakat Melayu dengan melihat peranan yang dimainkan oleh wanita UMNO dan wanita PAS dalam politik.

Hari ini setelah 44 tahun merdeka, kaum wanita masih jauh ketinggalan daripada lelaki terutama dalam politik. Pertanyaan-pertanyaan yang berkaitan dengan kedudukan wanita dari segi pembuat dasar, bilangan calon dalam pilihanraya serta jawatan-jawatan dalam kerajaan berakhir dengan satu kesimpulan yang sama iaitu masih wujud ketidaksamarataan antara kaum wanita dengan kaum lelaki kesan daripada ketidaksamaan hubungan gender dalam masyarakat Melayu.

Kajian terhadap peranan dan kedudukan wanita dalam politik adalah penting kerana wanita sentiasa dikaitkan dengan peranan tradisional mereka sebagai penyokong atau pembantu kepada golongan lelaki dan dikatakan tidak sesuai untuk menjadi pemimpin.¹⁴ Ideologi wanita sebagai pembantu suami untuk melakukan kerja-kerja domestik masih kekal dalam mentaliti masyarakat. Pada tahun 1984, dalam satu ucapannya, Perdana Menteri Malaysia Dr. Mahathir Mohamad pernah mengatakan,

¹⁴ The Star, 30 June 1996.

*... in situations where there may be unemployment, it will be good for the girls to have babies and let others be employed.*¹⁵

Kenyataan ini menggambarkan pandangan tentang kedudukan wanita Melayu di dalam masyarakat pada masa itu. Kewujudan diskriminasi gender dalam politik adalah akibat daripada kepercayaan bahawa peranan dan tugas wanita hanya di rumah. Za'ba pernah menegaskan, oleh kerana kaum lelaki yang memberi penakrifian tentang keadaan sekeliling maka pandangan tentang wanita juga dilihat daripada kacamata kaum lelaki.¹⁶ Dengan sebab itu maka konsep subordinasi wanita dan pergantungan wanita kepada lelaki meresapi ke dalam budaya masyarakat dan meletakkan wanita lebih rendah tarafnya daripada lelaki.

Secara lazimnya, Perlembagaan Persekutuan Malaysia memberi hak yang sama kepada wanita seperti kaum lelaki. Kebanyakan undang-undang yang ada tidak menggambarkan bahawa wanita diberi layanan yang tidak adil. Malah Dasar Wanita Negara diwujudkan bertujuan untuk menghapus sebarang unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita. Begitu juga dengan Akta Keganasan Rumah tangga yang telah diluluskan dalam tahun 1994, juga bertujuan untuk melindungi kaum wanita. Umumnya, wanita tidak diberi layanan sebagai warganegara kelas kedua.

Hak wanita untuk mengundi, menjadi calon dalam pilihanraya, dilantik sebagai menteri ataupun memperolehi peluang dalam bidang pendidikan, perundangan, ekonomi dan lain-lain disediakan melalui jaminan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Tetapi, secara realitinya peranan wanita dalam bidang-bidang tersebut tidak dianggap sepenting

¹⁵ Harley, L., "Modernity, Identity and Construction of Malay Womanhood", dalam Alberto Gomez (pnyt), **Modernity and Identity: Asian Illustration**, Victoria, La Trobe, 1994, m.s 102.

¹⁶ Hanapi Dollah, "Za'ba Sebagai Feminis", m.s 331.

kaum lelaki kerana masyarakat masih dikongkong dengan pemikiran bahawa lelaki lebih *superior* daripada wanita.

Partisipasi wanita di dalam politik bukan sahaja membantu meningkatkan kedudukan kaum wanita dan mengketengahkan isu-isu yang berkaitan tetapi juga menentukan parti mana yang memerintah kerana populasi wanita merangkumi 50% daripada populasi penduduk Malaysia.¹⁷ Daripada populasi seramai 22 juta orang, 56% adalah wanita tetapi malangnya jumlah perwakilan wanita di dalam politik masih kecil.¹⁸ Ketaksamaan gender dalam politik boleh dilihat melalui jumlah peluang pencalonan wanita dalam pilihanraya.

Menurut Perlembagaan Persekutuan Malaysia, hak untuk menjadi calon pilihanraya bagi kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri adalah terbuka kepada lelaki dan wanita. Memang tidak dinafikan wanita juga diberi peluang untuk menjadi calon dalam pilihanraya. Tetapi bilangan mereka amat kecil sekiranya dibandingkan dengan jumlah calon lelaki.¹⁹ Ini adalah kerana peluang yang diberikan kepada mereka terlalu sedikit berbanding dengan lelaki.²⁰

Contohnya dalam pilihanraya tahun 1990, 1995 dan 1999, bilangan wanita yang diletakkan sebagai calon jauh lebih kecil daripada calon lelaki. Dalam tahun 1990 sahaja,

¹⁷ Rashila Ramli, "Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan strategi bagi Calon-calon Wanita", dalam Rokiah Talib dan Shanti Thambiah (pnyt), **Gender, Budaya dan Masyarakat**, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1998, m.s. 152.

¹⁸ Sumber diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Sila lihat juga Lampiran C.

¹⁹ Rozi Bainun, **Wanita: Penghapusan Diskriminasi Dari Perspektif Islam dan Undang-Undang Malaysia**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, m.s 14.

²⁰ Utusan Malaysia, 27 April 1995.

daripada 180 orang calon pilihanraya ke Parlimen, hanya 14 orang sahaja wanita manakala yang terpilih pula 11 orang. Hanya Barisan Nasional, Semangat 46 dan DAP sahaja yang menghantar calon wanita dalam pilihanraya ini. Ketiadaan wakil wanita PAS dan PRM memberi gambaran yang negatif kepada kedudukan wanita dalam parti-parti tersebut. Tahun 1995, pula menyaksikan hanya 25 orang calon wanita diberi peluang untuk bertanding sedangkan calon lelaki berjumlah 395 orang untuk ke Parlimen.²¹ Di samping itu, 25 pencalonan diberikan kepada wanita untuk kerusi Dewan Undangan Negeri. PAS masih tidak menghantar calon wanita untuk bertanding.

Umumnya calon wanita yang dipilih untuk menjadi pemimpin semasa pilihanraya semakin meningkat namun jumlah ini masih terlalu kecil apabila dibandingkan dengan kaum lelaki. Dalam tahun 1995, perwakilan wanita dalam parlimen hanya 7.8% sahaja iaitu 15 orang wanita berbanding 177 orang lelaki.²² Bilangan ini tidak mencerminkan usaha kaum wanita sebagai tenaga pekerja parti. Lagipun bilangan ini dianggap tidak mencukupi untuk menyuarakan suara-suara mereka. Bahkan di sesetengah negeri tidak ada langsung wakil-wakil rakyat dari kalangan wanita.

Dalam pilihanraya ke 10 pada 29 November 1999 pula, hanya seramai 62 wanita dicalonkan untuk bertanding merebut 192 kerusi Parlimen dan 394 kerusi Dewan Undangan Negeri.²³ Jumlah calon wanita yang bertanding hanyalah 10% daripada jumlah keseluruhan calon pilihanraya. Peluang yang diberikan kepada wanita untuk maju di dalam politik amat kecil. Peningkatan 5% berbanding pilihanraya 1995 memang suatu perkara yang memberangsangkan. Tetapi nilai ini dilihat masih kecil berbanding dengan

²¹ Sila lihat Lampiran A.

²² Rashila Ramli, "Pembangunan Politik dan Gender", m.s. 154.

jumlah 5.2 juta penduduk wanita yang boleh mengundi. Setiap kali pilihanraya diadakan, isu mengenai pencalonan wanita sentiasa hangat. Parti pemerintah memberi harapan bahawa bilangan calon wanita dalam pilihanraya akan ditambah. Tetapi wanita terus menjadi golongan yang '*underrepresent*' dalam bidang politik.

Hari ini terdapat 20 orang wanita berada bersama-sama dengan 173 orang lelaki di dalam Parlimen. Daripada jumlah ini, 9 wanita UMNO, 4 orang MCA, seorang MIC, 3 DAP dan seorang lagi daripada Keadilan.²⁴ Ini merupakan kali pertama wanita berjaya mencapai 10.4 % orang wakil di peringkat Parlimen.

Semasa persidangan Wanita Sedunia ke-4 di Beijing, China dalam tahun 1995, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, isteri kepada Perdana Menteri Malaysia telah menyeru supaya bilangan wanita di peringkat membuat keputusan ditingkatkan sehingga mencapai 30%.²⁵ Persidangan ini juga mengemukakan beberapa perkara berhubung dengan kemajuan wanita di dalam politik dengan menggesa negara-negara anggota Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya mempunyai komitmen untuk menjamin kuasa wanita di peringkat membuat keputusan bertambah dan diiktiraf.²⁶ Wanita hendaklah diberi hak yang sama untuk terlibat dalam struktur kuasa.

Namun begitu, selepas 6 tahun persidangan di Beijing, suara wanita masih diketepikan. Ini berdasarkan kepada bilangan wanita di peringkat membuat keputusan dalam kerajaan yang ternyata masih jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lelaki.

²³ Sila lihat Lampiran B.

²⁴ Ibid.

²⁵ New Strait Times, Jun 1998.

²⁶ Sila lihat Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, terbitan Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA), Kuala Lumpur, Kementerian Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat, 1997, m.s. 65-67.

Daripada 70 orang anggota kabinet yang menduduki kerusi menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen, hanya 10% atau 7 orang wanita.²⁷ Jumlah perlantikan wanita yang kecil ini mengecewakan ramai kaum wanita. Walaupun sebilangan besar wanita merupakan pelaku politik yang aktif tetapi mereka masih lagi memainkan peranan yang sekundar dalam dunia politik. Hanya sebilangan kecil sahaja yang diiktiraf peranan mereka oleh kaum lelaki. Apabila Perdana Menteri memberi alasan bahawa tidak ada calon wanita yang difikirkan layak untuk dilantik menjadi menteri penuh bagi menambah bilangan wanita di peringkat kerajaan, ia merupakan satu tampanan yang cukup hebat kepada kaum wanita sendiri. Walaupun alasan yang diberi oleh Perdana Menteri mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor yang tertentu tetapi kredibiliti wanita sebagai pemimpin tergugat.

Wanita dilihat hanya layak dilantik menjadi Exco dalam kerajaan negeri sahaja. Walaupun ramai di kalangan kaum wanita yang berkelayakan dan mampu untuk menjalankan tugas sebagai ahli politik di pelbagai peringkat tetapi sikap wanita yang pasif terhadap tindak tanduk kaum lelaki menenggelamkan kualiti mereka sebagai pemimpin.

Di Malaysia terdapat pelbagai parti yang mewakili pelbagai kaum. UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu merupakan parti yang memerintah dan Pergerakan Wanita UMNO (PWU) merupakan komponen parti yang menguruskan hal ehwal ahli wanita. Sementara Parti Islam Se-Malaysia atau PAS merupakan parti pembangkang yang paling kuat menentang dan mengkritik pemerintahan kerajaan. Dewan Muslimat PAS (DMP) merupakan sebuah gerakan khas untuk wanita-wanita

²⁷ Maklumat diperolehi daripada Pejabat Parlimen Malaysia. Sila lihat juga Siti Mariam Mohd Zain,

Islam dan berdaftar sebagai badan tenaga bantu bagi PAS. Kedua-dua parti tersebut mewakili majoriti kaum Melayu di Malaysia di samping parti-parti lain seperti Parti Keadilan Nasional (PKN) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Kajian ini tidak dibuat berdasarkan konsep sains politik *per se* yang menekankan tentang struktur, fungsi parti dan proses politik atau konsep sejarah dengan menghuraikan peranan-peranan yang telah dimainkan oleh wanita tetapi ia lebih menjurus kepada persepsi sosiologikal yang menilai tentang penglibatan kaum wanita dalam politik kontemporari daripada perspektif gender. Terdapat banyak bidang yang boleh dikaji untuk menilai peranan wanita dalam masyarakat. Tetapi arena politik adalah satu bidang yang menarik untuk diteliti kerana mengandungi pelbagai permasalahan wanita terutama dari segi ketaksamaan hubungan gender.

Kaum wanita Melayu terpaksa bersaing dengan kaum lelaki untuk mendapatkan tempat yang sewajarnya mengikut kebolehan dan kewibawaan mereka dalam politik. Bahkan kemampuan untuk meletakkan diri pada kedudukan yang tinggi dalam kehidupan awam juga terpaksa melalui rintangan-rintangan lain seperti nilai-nilai masyarakat yang telah menetapkan peranan yang khusus kepada wanita dan lelaki. Di samping itu, perbezaan ideologi politik menyebabkan wanita Melayu terbahagi kepada dua kumpulan. Satu kumpulan menyokong perjuangan UMNO yang menjadi pelopor kepada kemerdekaan Tanah Melayu manakala satu kumpulan lagi adalah penyokong PAS yang mendakwa ingin memperjuangkan dan mendirikan sebuah negara Islam dengan cara hidup berlandaskan ajaran Islam. Oleh kerana kedua-dua parti ini mempunyai matlamat serta hala tuju yang berlainan maka sudah tentu corak serta peranan yang dimainkan oleh

"Kepimpinan Wanita Makin Menyerlah", MASSA, 6-12 Januari 2001, m.s. 48-49.

kedua-dua kumpulan wanita itu juga berlainan. Justeru itu, pola penglibatan wanita Melayu dalam politik adalah satu aspek yang cukup menarik untuk diteliti.

Perbezaan yang paling ketara di antara kedua kumpulan ini ialah ketiadaan wakil wanita di kalangan wanita PAS dalam calon pilihanraya amnya dan di Parlimen. UMNO mempunyai 9 orang wakil rakyat. Walau bagaimanapun, PAS telah melantik tiga orang wanita sebagai senator di Dewan Negara. Namun begitu, wanita PAS masih dianggap tidak menonjol di peringkat nasional.

Peranan wanita PAS dalam menentukan corak dan hala tuju perjuangan parti tersebut masih samar.²⁸

Kebisuan DMP dalam menyuarakan isu-isu semasa menyebabkan bahagian wanita PAS ini dianggap tidak menerima layanan yang sewajarnya daripada pucuk pimpinan PAS.²⁹ Umum melihat pendirian PAS tidak meletakkan calon wanita dalam pilihanraya dengan pelbagai alasan sebagai satu halangan bagi kaum wanita untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan ahli politik lelaki.³⁰ Muslimat PAS didakwa didiskriminasi oleh parti sendiri. Dakwaan ini dibuat berdasarkan penampilan PWU yang lebih menonjol dalam politik tanah air. Malah seringkali PWU itu dilihat aktif menyuarakan isu-isu politik dan sosial termasuk hal-hal kebijakan wanita.

Setelah hampir 54 tahun ditubuhkan dan memainkan peranan yang cukup penting dalam proses menentang Malayan Union serta menjadi badan tenaga bantu UMNO terutama menjelang pilihanraya, hari ini, hanya sebilangan kecil sahaja wanita UMNO

²⁸ Nur Aishah Ismail, "Dewan Muslimat PAS Perlukan Reformasi", MASSA, 22-29 Jun, 1996, m.s. 18.

²⁹ "Mengapa Dr. Lo' Lo' Kritik PAS", AL-Wasilah, Julai 2000, m.s. 29-33.

³⁰ Utusan Malaysia, 8 Jun 2000.

yang mampu berdiri bersama-sama dengan ahli politik lelaki di peringkat membuat keputusan. Jelasnya, diskriminasi ke atas wanita bukan sahaja berlaku di dalam PAS tetapi juga dalam UMNO. Apakah yang menyebabkan perkara ini terus berlarutan setelah 43 tahun Malaysia merdeka walaupun wanita diiktiraf sama-sama berperanan penting dalam pembangunan negara. Kajian ini cuba melihat permasalahan ini dari perspektif gender.

Jelasnya, kekurangan bilangan wanita di peringkat membuat keputusan atau kepimpinan memberi gambaran terdapat ketaksamaan hubungan gender dalam politik. Oleh itu, kajian ini akan mengupas dan memperjelaskan dengan lebih lanjut dalam konteks gender dan pengaruhnya terhadap *politiking* kaum wanita dan lelaki dalam politik Malaysia.

1.3. ULASAN LITERATUR

Kajian mengenai wanita Melayu dalam bidang politik telah dibuat oleh ramai penulis tempatan dan luaran serta di peringkat latihan ilmiah atau tesis sarjana. Terdapat juga pengkaji yang menulis mengenai isu-isu gender dalam politik. Namun begitu kebanyakan penulisan tentang wanita dan politik lebih tertumpu kepada perbincangan mengenai pengaruh, peranan dan pencapaian parti UMNO dan PAS tanpa memberi penekanan tentang kepentingan dan peranan kaum wanita dan hubungan gender dalam politik. Begitu juga dengan kajian-kajian ilmiah yang hanya menyelidik tentang pengaruh politik Melayu melalui UMNO dan PAS tetapi tidak memberi penekanan tentang interaksi di antara wanita PAS dan UMNO. Sebaliknya, isu-isu semasa seperti politik agama, Islamisasi, perpecahan dan perpaduan masyarakat menjadi fokus utama penulisan mereka.

Penulisan kajian ini dibuat dengan menggunakan pendekatan ‘historical-structural’. Oleh itu pengkaji menggariskan beberapa kajian yang membincangkan tentang sejarah politik wanita Melayu, kepentingan wanita serta peranan dan sumbangan yang diberikan terutama penglibatan wanita UMNO dalam politik. Ramai yang mengupas tentang peningkatan kedudukan wanita Melayu dan pembangunan hasil daripada penglibatan mereka dalam politik. Penganalisaan Ramlah Adam (1978) merupakan antara penulisan yang komprehensif mengenai PWU sebagai badan tenaga bantu yang utama kepada UMNO. Beliau cuba melihat perkembangan pergerakan ini sebagai bahagian parti politik yang paling berkesan menggerakkan kaum wanita Melayu serta kemajuan yang diperolehi dalam bidang politik dan sosial yang bermula dari tahun 1946 hingga 1972.³¹ Ramlah Adam (1978) mengakui bahawa Malayan Union adalah penceetus kepada kesedaran politik di kalangan wanita Melayu yang memberi kesan kepada status dan kehidupan mereka. Wanita tidak lagi dibelenggu dengan tugas serta peranan sebagai isteri, ibu dan penjaga kepada rumah tangga sahaja. Sebaliknya mereka mula melibatkan diri dengan kehidupan awam dan berjuang bersama-sama dengan kaum lelaki menentang Malayan Union. Titik perjuangan wanita Melayu bermula melalui UMNO setelah penyatuan persatuan-persatuan wanita di seluruh Tanah Melayu dibuat.

Ramlah Adam (1978) juga menyebut di peringkat awal perkembangan Pergerakan Kaum IBU (PKI) ianya tidak memuaskan dan kuasa PKI juga terhad kerana dikawal oleh kaum lelaki. Kaum wanita hanya diiktiraf sebagai ahli biasa. Tetapi secara beransur-ansur, PKI memperolehi kuasa pentadbirannya. PKI pada mulanya dianggotai oleh golongan surirumahtangga yang tidak berpendidikan menyebabkan berlakunya masalah dalam menguruskan pergerakan tersebut. Kebanyakan ahli yang menyertai PKI

³¹ Ramlah Adam, “Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972”, *Malaysia Dari segi Sejarah*, Part-1, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1978, m.s. 26-54.

kurang faham akan tujuan serta kepentingan UMNO kepada mereka atau politik Tanah Melayu. Sebaliknya sokongan yang diberikan oleh ahli-ahli ini adalah kerana tepikat dengan status sosial para pemimpin UMNO pada masa tersebut. Selain daripada itu, sikap masyarakat yang masih tidak membenarkan kaum wanita bergerak bebas di luar rumah menyebabkan pergerakan ini tidak berkembang sebagaimana yang diharapkan. PKI dilihat sebagai sebuah persatuan yang konservatif, moderat dan tradisional.

Penulis juga menegaskan bahawa berdasarkan kepada kegiatan-kegiatan politik yang dilakukan oleh PKI, ia hanya memainkan peranan sebagai pekerja, penyokong dan propagandis serta pengundi pilihanraya sahaja tetapi tidak di peringkat pemutus dasar. Anggota wanita yang dilantik menjadi ahlijawatankuasa di peringkat cawangan, bahagian dan negeri tidak ramai. Bahkan jawatan Menteri hanya diberikan kepada wanita pada tahun 1969 setelah beberapa kali PKI mengugut akan memulaukan pilihanraya sekiranya wanita tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Jawatan Menteri yang diberikan kepada Tan Sri Fatimah Hasyim merupakan pengukuhan kepada kedudukan serta peranan wanita untuk menjaga kebijakan rumahtangga dan dalam kontek ini menjaga kebijakan sebuah negara. Walaupun bilangan perlantikan wanita di Dewan Rakyat dan Dewan Negara kecil tetapi mereka terpaksa menerima untuk mengelakkan daripada timbul sebarang kenyataan atau gambaran yang boleh menggugat perpaduan parti. Jelas peranan PKI tidak penting sebagai penentu dasar.

Lenore Manderson juga turut menulis mengenai mengenai PWU sekitar tahun 1945-1972.³² Manderson (1981) menulis tentang peranan yang dimainkan oleh Pergerakan Kaum Ibu yang membawa kepada perubahan dan perkembangan pengaruh

³² Manderson, **op.cit.**, m.s. viii-xiii.

wanita selepas merdeka. Pergerakan Kaum Ibu dilihat amat penting mengembeleng wanita Melayu untuk terlibat dalam politik kerana ia merupakan badan tenaga bantu kepada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Penulisan beliau menekankan tentang struktur, aktiviti dan kepentingan Pergerakan Kaum Ibu UMNO sebagai satu komponen politik yang mewakili kaum wanita Melayu terutama bagi wanita luar bandar. Malah dalam penulisan beliau, Pergerakan Wanita UMNO dilihat memberi tanda yang positif tentang masa depan wanita Melayu dalam politik.

Perjuangan PWU dikatakan bermula pada tahun 1945, apabila timbul kesedaran nasionalisma untuk menentang gagasan Malayan Union yang dikatakan menolak kepentingan kaum Melayu sebagai bumiputera dan menghapus keistimewaan Raja-raja Melayu.³³ Bermula dengan penentangan terhadap Malayan Union, kaum wanita Melayu mula menunjukkan satu perubahan sikap yang positif terhadap politik. Sir Theodore Adams mengatakan bahawa:

Tujuh pidato yang diucapkan oleh wanita-wanita Melayu telah mengatasi syarahan yang pernah saya dengar di Tanah Melayu sejak saya tiba di sini sebagai seorang pelatih dalam tahun 1908. Mereka seolah-olah sedang memberikan bayangan tentang suatu sokongan hebat yang dapat diberikan oleh kaum wanita untuk kepentingan masa depan seluruh negara. Suatu revolusi telah tercetus.³⁴

Ini menunjukkan, kaum wanita turut bersemangat seiring dengan kaum lelaki dalam menuntut hak mereka sebagai penduduk Tanah Melayu. Manderson (1981) turut mendakwa bahawa kaum wanita masih lagi terikat dengan peranan asas sebagai ibu dan isteri. walaupun mereka pada masa itu sudah mula terlibat dengan politik Sikap dan nilai-nilai tradisi wanita Melayu termasuk adat dan agama mempengaruhi kedudukan mereka di dalam masyarakat yang mencorak status wanita pada masa itu. Hal ini terbukti dengan

³³ Ibid., m.s. 62-67.

³⁴ Dipetik daripada tulisan Lenore Manderson. Ibid., m.s. 75.

penubuhan Pergerakan Kaum Ibu itu sendiri kerana aktiviti-aktiviti yang dijalankan lebih tertumpu kepada kerja-kerja kebajikan seperti kelas memasak, dan kelas menjahit.³⁵ Kajian mengenai Pergerakan Kaum Ibu ini juga menyorot tentang perubahan yang telah berlaku ke atas wanita bandar dan luar bandar sejak penglibatan wanita secara serius dalam politik. Namun begitu, tulisan beliau dalam bukunya **Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO 1945-1972** menunjukkan bahawa peranan wanita sebenarnya tidak berubah meskipun mereka telah menunjukkan perkembangan yang amat menggalakkan dalam politik. Malah salah seorang pemimpin UMNO pernah mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin lelaki telah sepakat memutuskan bahawa kuasa membuat keputusan di dalam parti ini akan terus berada di tangan lelaki.³⁶

Kajian Manderson pada dasarnya cuba melihat proses perjuangan wanita dalam politik di Malaysia melalui Pergerakan Kaum Ibu UMNO pada peringkat awal penubuhan dan perkembangannya selepas merdeka. Daripada sebuah badan pergerakan wanita yang bebas kemudian bergabung menjadi sebahagian daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1949.³⁷ Peranan dan sumbangaan wanita dalam politik seterusnya diteliti melalui perkembangan Pergerakan Kaum Ibu UMNO sebagai sayap kiri UMNO.

Virginia Dancz (1987) dalam tulisannya **Women and Party Politics in Peninsular Malaysia** turut mendakwa pencetus penglibatan wanita dalam politik secara terbuka ialah akibat daripada cadangan Malayan Union. Kajian beliau melihat kepada

³⁵ **Ibid.**, m.s. 86-126.

³⁶ **Ibid.**, m.s. 304.

³⁷ **Ibid.**, m.s. 87-90.

polar penyertaan wanita dari pelbagai kaum dalam politik yang diwakili oleh beberapa parti seperti UMNO dan PAS untuk kaum Melayu, MCA untuk kaum Cina, MIC untuk kaum India dan DAP (sebuah parti yang terdiri daripada pelbagai kaum tetapi majoriti dikuasai oleh kaum China).³⁸ Dancz (1987) menerangkan tentang proses politik yang berlaku di kalangan wanita bermula dengan penglibatan wanita dalam politik sekitar tahun 1945 di Tanah Melayu yang membawa kepada perkembangan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan mereka. Beliau menilai peranan yang dimainkan oleh wanita sebagai '*auxiliary*' kepada parti induk.

Peranan wanita diteliti oleh Dancz (1987) berdasarkan kepada faktor-faktor sosial yang mempengaruhi perkembangan politik wanita Cina, Melayu dan India. Meskipun begitu, beliau lebih menekankan tentang wanita Melayu. Wanita Melayu dikatakan terikat dengan pelbagai struktur sosial seperti tradisi sosial, adat, agama serta taraf dalam masyarakat. Di dalam masyarakat Melayu khususnya, wanita terikat kepada dua adat iaitu adat Pepatih dan adat Temenggung. Adat pada pandangan Dancz (1987);

Adat means those traditions, customs and laws which helped determined the structure and organisation of Malay society.³⁹

Dancz (1987) menjelaskan bahawa kebanyakan negeri di Tanah Melayu dipengaruhi oleh adat Temenggung yang meletakkan lelaki pada kedudukan yang *dominan* berbanding dengan wanita.⁴⁰ Kaum lelaki diberikan kedudukan yang begitu istimewa dan mempunyai kuasa mutlak dalam membuat keputusan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan keluarga. Sementara Adat Perpatih pula meletakkan wanita

³⁸ Dancz, V. H., **Women and Party Politics in Peninsular Malaysia**, New York, Oxford Uni Press, 1987, m.s. 181-199.

³⁹ *Ibid*., m.s. 4.

⁴⁰ *Ibid.*, m.s. 5-6.

sebagai ketua keluarga yang mengawal ekonomi institusi keluarga. Menurut Dancz (1987) lagi, pembahagian peranan wanita dan lelaki diperkuatkan pula oleh faktor agama yang mengukuhkan peranan wanita Melayu sebagai lebih subordinat sifatnya terhadap kaum lelaki. Persoalan mengenai nikah-cerai, pusaka, poligami dan peranan wanita sebagai pemimpin senantiasa dikaitkan sebagai satu penindasan ke atas wanita Melayu.

Dancz (1987) juga menekankan tentang perkembangan politik wanita Melayu melalui sumbangan yang diberikan oleh Pergerakan Kaum Ibu UMNO. Berbanding dengan wanita di dalam parti-parti lain, wanita UMNO dikatakan lebih giat menuntut kesamaan hak daripada lelaki. Bahagian wanita di dalam parti-parti lain dikatakan tidak memainkan peranan yang aktif seperti PWU. PWU digambarkan sebagai sebuah parti yang giat memperjuangkan hak dan persamaan bagi kaum wanita Melayu. Paling ketara apabila salah seorang pemimpin tertinggi Pergerakan Kaum Ibu UMNO, iaitu Khadijah Sidek mengatakan bahawa masalah dalaman akan timbul dalam UMNO sekiranya wanita tidak diberikan peluang untuk turut terlibat dalam pilihanraya sebagai calon dan hanya sebagai petugas pilihanraya sahaja. Lantaran cabaran-cabaran dan ceramah-ceramah beliau yang dikatakan boleh membawa kepada perpecahan antara ahli, Khadijah Sidek akhirnya dipecat daripada parti pada tahun 1956.⁴¹

Ramlah Adam, Lenore Manderson dan Virginia Dancz telah menulis secara komprehensif tentang perkembangan sejarah politik wanita Melayu tetapi tumpuan mereka lebih kepada wanita UMNO. Hanya Dancz sahaja yang menyentuh dengan mendalam mengenai wanita PAS. Selain daripada mereka terdapat juga beberapa orang penulis atau pengkaji yang menyelidik mengenai penglibatan wanita dalam politik

⁴¹ Ibid., m.s. 97-99.

daripada pelbagai aspek. Azizah Abdul Rahman (1974) di dalam kajian beliau, cuba melihat peranan wanita sebagai agen sosialisasi politik. Beliau menegaskan bahawa wanita adalah agen utama dalam proses sosialisasi yang bermula di rumah.⁴² Kajian beliau merangkumi dua golongan wanita iaitu wanita UMNO dan PAS yang bergabung dibawah Barisan Nasional pada tahun 1974. Tetapi kajian ini lebih menekankan tentang peranan yang dimainkan oleh wanita UMNO. Menurut beliau lagi, pada tahun 1974, undi-undi adalah terletak di tangan wanita kerana jumlah mereka yang lebih ramai serta kemampuan untuk mempengaruhi ahli masyarakat yang lain. Namun beliau menegaskan, penglibatan wanita dalam politik adalah tidak aktif dan mereka yang terlibat berasal daripada keluarga atau suami yang turut bergiat di dalam politik. Azizah Abdul Rahman (1974) menekankan bahawa politik di kalangan wanita pada masa itu, hanya berhubung dengan hal-hal rumah tangga tetapi apabila dilihat di dalam konteks parti, penglibatan mereka amat terhad.⁴³

Hamidah Mohamad (1993) pula menyentuh tentang kegiatan wanita di dalam politik daripada perspektif Islam. Beliau mengkaji tentang penglibatan wanita dalam politik dari sudut kepimpinan. Antara isu yang dikupas oleh beliau ialah hak-hak wanita di dalam Islam, pandangan ulama' mengenai penglibatan wanita dalam politik serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh wanita sekiranya mereka ingin melibatkan diri dalam politik. Beliau menilai kegiatan wanita Islam melalui tiga parti politik utama iaitu UMNO, PAS dan Semangat 46 (S46). Terdapat dua penemuan penting hasil daripada kajian beliau. Pertama, wanita UMNO mempunyai barisan kepimpinan wanita yang lebih menonjol berbanding dengan kepimpinan wanita PAS atau S46; kedua, penglibatan

⁴² Azizah A. Rahman, "Peranan Wanita dalam Politik dan Agama di Kubang Pasu", Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1974/1975, m.s. 58-61.

⁴³ Ibid., m.s. 86.

wanita dalam politik dapat membantu mempertingkatkan kedudukan wanita dalam pelbagai bidang termasuk sosial, ekonomi dan politik.⁴⁴ Beliau juga berpendapat bahawa kepimpinan wanita terutama wanita UMNO serta wanita PAS bersifat *ad-hoc* kerana penglibatan mereka disebabkan oleh penglibatan suami atau saudara mara di dalam parti berkenaan.⁴⁵

Abdul Akhir Bakar (1995) turut menyentuh tentang pengaruh PWU dan DMP. Menurut beliau kedua-dua pergerakan wanita ini mempunyai agenda tersendiri untuk memikat kaum wanita menyertai pergerakan mereka dan membuktikan bahawa peranan dan fungsi mereka adalah penting untuk pembangunan negara. Menurut Abdul Akhir (1995), perjuangan wanita UMNO dan wanita PAS saling berkaitan kerana tidak kira parti mana yang diwakili oleh kedua kumpulan wanita ini, penglibatan mereka dalam politik sedikit sebanyak mempengaruhi dasar negara.⁴⁶ Apa yang beliau maksudkan di sini ialah kedua-dua kumpulan wanita ini cuba menjadi jaguh bagi membela nasib wanita Melayu dan itu menjadi matlamat utama dalam perjuangan mereka. Tambahan pula kedua-dua golongan ini memperjuangkan nasib wanita Melayu yang mana secara tidak langsung akan membawa perubahan untuk kebaikan kaum wanita seluruhnya.

Pengaruh golongan wanita Melayu adalah penting kerana bilangan mereka seramai 5,313,300 adalah lebih tinggi berbanding dengan bangsa-bangsa lain.⁴⁷ Daripada jumlah 10,444,900 penduduk wanita di Malaysia, 2,769,300 merupakan wanita Cina,

⁴⁴ Hamidah Mohamad, "Penglibatan Wanita Islam Di dalam Parti-parti Politik di Kawasan Parlimen Kota Baru," Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1993/1994, m.s. 115-130.

⁴⁵ Ibid., m.s. 137-141.

⁴⁶ Abdul Akhir Bakar, "Partisipasi Wanita Dalam Senario Politik di Malaysia: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam," Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1994/1995, m.s. 36-41

⁴⁷ Sila lihat Lampiran C.

790,100 orang India, 1,217,800 Bumiputera dan 354400 lain-lain.⁴⁸ Penyelidikan Abdul Akhir (1995) adalah mengenai perbandingan misi perjuangan wanita UMNO dan wanita PAS. Beliau tidak menemui sebarang perbezaan yang besar kerana kedua-dua sayap parti ini berjuang di atas dasar yang diperjuangkan oleh parti masing-masing serta merupakan penyokong kuat dan tenaga bantu yang utama. Sepertimana wanita UMNO, wanita PAS juga meletakkan kemajuan dan kepentingan peranan serta fungsi wanita sebagai perkara yang utama dalam pembangunan negara.⁴⁹ Cuma sebagai sebuah parti pembangkang dan tidak berpeluang memerintah negara, mungkin visi dan matlamat Muslimat PAS tidak dinilai sebagai satu alternatif untuk membantu kaum wanita.

Adalah perlu diingatkan bahawa kajian Abdul Akhir (1995) lebih tertumpu kepada peranan wanita dalam politik daripada perspektif Islam. Beliau gagal menerangkan bagaimana perjuangan wanita PAS dikatakan mempengaruhi dasar negara. Ini kerana sehingga kajian beliau dibuat, masih tidak terdapat wakil rakyat di kalangan wanita PAS selain daripada dua orang senator wanita daripada negeri Kelantan yang dilantik oleh kerajaan negeri PAS.

Mohd Shafei Ngah (1995) seorang pelajar Akademi Islam, Universiti Malaya turut menulis mengenai penglibatan wanita dalam politik negara. Kajian beliau menyentuh tentang keanggotaan wanita dalam perundangan Islam dan institusi *syura* dan parlimen serta faedahnya kepada wanita. Pembabitan wanita sebagai ahli majlis *syura* dan ahli parlimen digarap melalui kupasan beliau tentang kemajuan wanita dalam bidang pendidikan, pelajaran, ekonomi, pekerjaan, politik dan kedudukan wanita dalam Islam.

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Abdul Akhir Bakar, "Partisipasi Wanita Dalam Senario Politik di Malaysia: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam," Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1994/1995, m.s. 53.

Menurut beliau, kaum wanita telah banyak mengalami kemajuan hasil daripada perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara Malaysia.⁵⁰ Di dalam politik pula, jumlah wanita yang menang dalam pilihanraya semakin bertambah sejak tahun 1955-1982. Bermula daripada tahun 1955, terdapat 51 calon lelaki memenangi kerusi pilihanraya tetapi calon wanita tidak ada. Dalam tahun 1982, barulah wanita berjaya membolot 8 kerusi dalam pilihanraya.

Kajian Mohd Shafei Ngah (1995) juga menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh wanita UMNO dan wanita PAS. Namun penerangan beliau mengenai kedua-dua kumpulan wanita ini terhad kerana beliau lebih menumpukan kepada isu-isu kedudukan wanita dari perspektif Islam dan kepentingan majlis *syura*. Seperti Manderson (1981), beliau telah menggariskan proses penglibatan wanita dalam politik bermula daripada gerakan berbentuk kebajikan yang kemudiannya menentang Malayan Union dan menuntut kemerdekaan. Selepas kemerdekaan kaum wanita yang aktif ini bernaung dibawah parti-parti utama dan giat berkempen untuk parti. Beliau menegaskan, walaupun pergerakan wanita UMNO dan PAS berbeza dari segi gerak kerja untuk melaksanakan matlamat perjuangan mereka namun, kedua-dua bahagian wanita ini telah membuka laluan untuk wanita Melayu turut terlibat dalam arus politik dan pemerintahan negara.

Antara penemuan Mohd Shafei Ngah (1995) ialah insititusi Parlimen Malaysia dilihat tidak pernah mendiskriminasi kaum wanita. Menurut beliau, walaupun jumlah anggota wanita adalah kecil berbanding dengan lelaki tetapi bilangan ini menunjukkan penerimaan institusi Parlimen terhadap ahli politik wanita. Ini memberi gambaran tentang kedudukan wanita dalam parlimen yang sudah diterima. Walau bagaimanapun Mohd Shafei gagal mengemukakan faktor-faktor yang menyebabkan bilangan ahli wanita di

⁵⁰ Mohd Shafei Ngah, "Kedudukan Wanita Dalam Parlimen Malaysia: Kajian Pendekatan Institusi Syura dalam Islam," Tesis, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1994/1995, m.s. 4.

peringkat Parlimen masih kecil berbanding dengan lelaki walaupun masyarakat Melayu dapat menerima wanita dalam barisan pembuat keputusan. Selain itu, beliau juga berpendapat, terdapat dua pihak yang memberi penakrifan yang berbeza tentang penglibatan kaum wanita dalam politik pada peringkat kepimpinan dalam institusi parlimen. Golongan pertama tidak setuju dengan penglibatan wanita pada peringkat kepimpinan serta mendakwa ianya merupakan tanggungjawab yang lebih sesuai dipegang oleh kaum lelaki. Kaum wanita hanya berperanan untuk menguruskan rumahtangga. Manakala golongan kedua pula tidak menghalang penglibatan wanita dalam politik malah membenarkan mereka untuk menganggotai Majlis Syura sesebuah negara atau menjadi pemimpin. Namun begitu Mohd Shafie (1995) menegaskan bahawa wanita Islam tidak boleh memegang jawatan *khalifah* iaitu satu jawatan yang menunjukkan tahap kepimpinan yang paling tinggi bagi orang Islam di mana seorang Khalifah memiliki semua jenis kekuasaan dalam negeri dan urusan dunia dan akhirat.

Penemuan Hamidah Mohamad (1993) mengenai kurang keberkesanan kepimpinan wanita PAS di dalam politik disokong oleh Nik Mayani (1995) yang membuat kajian mengenai peranan DMP di Terengganu. Dewan Muslimat PAS adalah badan wanita yang bernaung di bawah PAS dan memperjuangkan isu-isu wanita. Menurut Nik Mayani (1995), Muslimat PAS tidak mempunyai sistem organisasi yang kemas dan teratur serta tidak menunjukkan daya kepimpinan yang tinggi.⁵¹ Meskipun DMP dikatakan menolong masyarakat untuk memahami politik Islam yang diperjuangkan oleh PAS tetapi badan ini belum berjaya mengubah pandangan masyarakat terhadap politik Islam PAS. Hal ini terjadi kerana kelemahan DMP sendiri yang tidak mempunyai sistem

⁵¹ Nik Mayani Nik Wan Ku, "Dewan Muslimat PAS Terengganu: Sumbangan Terhadap Perpaduan Ummah," Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995/1996, m.s. 104-109.

pergerakan yang teratur. Ahli-ahli DMP dikatakan tidak bercampur dengan orang lain malah memencarkan diri sekiranya berjiran dengan orang bukan ahli parti yang sama.⁵² Di samping itu, penglibatan kaum wanita di dalam pergerakan DMP dipengaruhi oleh kewibawaan pucuk pimpinan parti. Kajian Nik Mayani (1995) juga menunjukkan bahawa 60% responden menolak dakwaan bahawa DMP hanya merupakan sayap parti yang memperjuangkan politik parti PAS sahaja.⁵³ Nik Mayani (1995) menegaskan masih banyak yang perlu dibaiki oleh Dewan Muslimat PAS sekiranya mereka berhasrat untuk membantu memperjuangkan nasib kaum wanita seperti yang ditunjukkan oleh wanita UMNO.

Apabila membincangkan mengenai kedudukan dan penglibatan wanita dalam politik, perlu juga disentuh tentang isu-isu emansipasi dan kesamarataan antara wanita dan lelaki Melayu. Isu-isu kesamaan bukan sahaja bertujuan untuk membebaskan wanita Melayu daripada belenggu tanggungjawab domestik tetapi menyediakan mereka kepada hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan kepada masyarakat dan diri sendiri. Hubungkaitnya dengan politik kerana ia dilihat sebagai suatu bidang yang dikuasai sepenuhnya oleh kaum lelaki. Cubaan kaum wanita untuk memajukan diri dalam bidang ini disalahertikan untuk mengugat dominasi kaum adam.

Penulisan tentang emansipasi wanita Melayu yang paling awal diperolehi ialah hasil tulisan Asiah Abu Samah dalam tahun 1960.⁵⁴ Menurut beliau, emansipasi wanita Melayu dipengaruhi oleh perubahan-perubahan yang berlaku di Mesir dan di Indonesia.

⁵² Ibid., m.s.77-80.

⁵³ Ibid., m.s. 77.

⁵⁴ Asiah Abu Samad, "Emancipation of Malay Women", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1960.

Pada awalnya tujuan emansipasi ini adalah untuk menggalakkan wanita Melayu untuk melepaskan diri daripada keklotan tradisi, fahaman agama yang sempit serta memajukan diri dalam bidang pendidikan. Kebanyakan pejuang-pejuang awal seperti Ibu Zain dan golongan Kaum Muda mementingkan perkembangan pendidikan wanita Melayu dan pandangan mereka ini disiarkan melalui akhbar-akhbar dan majalah.

Asiah Abu Samah (1960) berpendapat, faktor agama dan adat tradisi yang menyebabkan kaum wanita menjadi *inferior* atau tunduk kepada kaum lelaki. Hanya melalui pendidikan maka kaum wanita dapat dimajukan. Pada peringkat awal, gerakan emansipasi seterusnya disebarluaskan melalui persatuan-persatuan seperti Persatuan Guru-guru Perempuan di Johor yang ditubuhkan dalam tahun 1929 untuk meningkatkan kemajuan wanita. Asiah (1960) seterusnya mendakwa proses emansipasi ini didokongi oleh para pemimpin Kaum Ibu. Ini kerana kebanyakan pemimpin Kaum Ibu adalah golongan yang berpendidikan dan aktif dalam persatuan-persatuan sosial dan politik. Setelah UMNO ditubuhkan, para pemimpin Kaum Ibu dapat mengembangkan pengaruh mereka ke dalam masyarakat melalui aktiviti-aktiviti parti. Dalam tahun 1952, tindakan pemimpin PKI menolak keputusan **All Malaya Muslim Missionary Society** yang mengharamkan penglibatan wanita dalam politik mencerminkan kesedaran mereka tentang kepentingan wanita dalam bidang ini. Kemuncak perjuangan emansipasi wanita dalam politik ialah dalam tahun 1955 apabila kaum wanita turut terlibat dalam politik kepartian melalui UMNO, Parti Negara atau PAS. Menurut Asiah (1960) pendekatan yang digunakan oleh Kaum Ibu UMNO semasa menjalankan kegiatan aktivitinya serta penerimaan wanita terhadap peranan mereka sebagai tukang kempen, perayu undi atau pengutip derma mengukuhkan pandangan yang sedia ada tentang wanita sebagai golongan yang lemah dan tidak boleh memimpin.

Dewasa ini, antara penulisan terbaru tentang perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh kaum wanita dalam bidang awam ialah hasil tulisan Jamilah Ariffin (1992). Jamilah Ariffin (1992) mengumpulkan bahan-bahan penulisan yang mengandungi data-data tentang perkembangan yang dialami oleh kaum wanita di Malaysia. Perkembangan ini bermula daripada sejarah kedudukan wanita semasa zaman kolonial, proses pembangunan ekonomi, kemajuan dalam pendidikan, peranan dan fungsi wanita dalam bidang kesihatan dan hubung kait dengan pengelasan gender, perubahan arah tuju pergerakan kaum wanita serta perkembangan bidang perundangan serta kesan dan pengaruhnya ke atas status wanita. Beliau mengakui bahawa pembangunan sememangnya menolong meningkatkan kedudukan wanita tetapi ia juga menyebabkan ketidaksamaan antara lelaki dan wanita di samping mewujudkan perbezaan antara golongan wanita itu sendiri.⁵⁵

Jamilah Ariffin (1992) juga meninjau pembangunan wanita bermula daripada era sebelum zaman kolonial sehingga selepas kemerdekaan dengan meneliti perkembangan-perkembangan mereka di dalam bidang politik, ekonomi dan pendidikan. Menurut beliau, sebelum penjajahan, masyarakat Melayu terbahagi kepada dua kelas utama iaitu kelas pemerintah termasuk para pembesar dan orang-orang kaya serta kelas ‘orang kebanyakan’ iaitu rakyat biasa, hamba dan orang berhutang.⁵⁶ Kedua-dua status sosial ini secara tidak langsung menentukan dan mempengaruhi kedudukan wanita Melayu dalam masyarakat. Wanita dalam golongan pertama tidak terlibat dalam melakukan kerja-kerja rumah tetapi

⁵⁵ Jamilah Ariffin, **Women and Development in Malaysia**, Selangor, Pelanduk Publications, 1992, m.s. xiv.

⁵⁶ Ibid., m.s. 2.

mengupah wanita bawahan untuk bekerja dengan mereka.⁵⁷ Bagi wanita yang tidak berkemampuan, mereka lebih aktif di dalam bidang ekonomi seperti berladang dan bersawah untuk membantu suami. Semasa pemerintahan Inggeris pula, wanita-wanita daripada kelas atasan yang memainkan peranan penting menghidupkan semangat kaum wanita lain untuk terlibat dalam politik. Kemunculan beberapa pemimpin wanita seperti Ibu Zain adalah hasil daripada pendedahan kepada idea-idea barat yang memperjuangkan hak kebebasan kaum wanita. Di samping itu, golongan wanita ini juga mendapat pendidikan di sekolah-sekolah Inggeris.⁵⁸ Walaupun wanita giat berpolitik selepas merdeka namun peranan mereka tidak dipandang berat malah pergerakan wanita UMNO dan wanita PAS hanya dianggap sebagai '*auxiliary*' kepada parti yang diwakili mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Jamilah Ariffin⁵⁹, ke atas 2946 orang responden menunjukkan bahawa, kaum wanita lebih positif menerima perubahan peranan wanita manakala kaum lelaki pula melihat wanita tidak lari daripada imej tradisional sebagai seorang ibu dan isteri. Kaum lelaki beranggapan tempat yang sewajarnya bagi kaum wanita ialah dalam bidang domestik manakala lelaki pula menguasai kehidupan awam dan berada dalam barisan pembuat keputusan.⁶⁰ Kajian Jamilah Ariffin (1993) ini melihat kepada pandangan tentang peranan yang perlu dimainkan oleh wanita dalam masyarakat dengan menyentuh beberapa aspek seperti peranan mereka dalam politik dan rumahtangga.

⁵⁷ Philips, Anne, "Classing The Women and Gendering The Class", dalam L. McDowell & R. Pringle (pnyt), **Defining Women**, Cambridge, Polity Press, 1992, m.s. 97.

⁵⁸ Jamilah Ariffin, "**Women and Development in Malaysia**", m.s. 10.

⁵⁹ Jamilah Ariffin, "Malaysia's Attitude Towards Women's Role in Society: Findings From A Nationwide Study", dalam National Conference on Malaysian Women At The Crossroads of Change, Kuala Lumpur, 7-8 April 1995.

⁶⁰ Ibid., m.s. 18.

Menurut Jamilah Ariffin (1995), masyarakat Melayu merupakan golongan yang paling kuat memegang kepercayaan tentang peranan dan kedudukan tradisional wanita Melayu.⁶¹ Walaupun wanita Melayu menyokong pembabitan wanita dalam politik tetapi ramai pula yang beranggapan bahawa wanita tidak sesuai memegang jawatan yang tinggi dalam masyarakat apabila ada calon lelaki. Kajian Jamilah Ariffin (1995) menunjukkan terdapat 64.8% responden wanita bersetuju bahawa dalam bidang politik keutamaan perlu diberi kepada kaum lelaki sementara kaum wanita pula perlu menumpukan perhatian kepada tanggungjawab mereka dalam arena domestik.⁶² Ini bermakna kaum wanita Melayu masih terikat dengan kepercayaan bahawa mereka *subordinat* kepada kaum lelaki. Selain daripada itu, 86.6% wanita bersetuju bahawa peranan wanita dalam kerjaya adalah tidak sepenting peranan mereka sebagai ibu dan isteri, manakala hampir 42% menganggap wanita bertanggungjawab menyediakan keperluan suami di rumah. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa masih ramai kaum wanita yang menganggap lelaki lebih berkepentingan memainkan peranan untuk menyara keluarga sementara peranan wanita yang utama ialah sebagai suri rumah. Majoriti 78.1%, wanita sanggup melepaskan kerjaya mereka sekiranya suami mempunyai kemampuan dan kewangan yang kukuh untuk menyara keluarga.

⁶¹ Ibid., m.s. 26.

⁶² Ibid., m.s. 26.

Selain daripada penulisan Rashila Ramli (1998) dan Rashila Ramli & Saliha Hassan (1998), tidak banyak kajian yang dilakukan ke atas wanita UMNO dan wanita PAS yang melihat hubungan gender dan permasalahannya dalam politik. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang lepas, pengkaji masih belum menemui sebarang penulisan yang meneroka secara mendalam mengenai isu-isu ketidaksamaan gender dalam politik dan penglibatan wanita UMNO dan PAS dalam konteks yang mencabar ketidaksamaan ini.

Walaubagaimanapun kajian Rashila Ramli (1998) mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh calon-calon wanita dalam pilihanraya dan strategi yang digunakan adalah antara penulisan dan kajian awal tentang hubungan gender dalam politik. Rashila Ramli (1998) menyentuh tentang pengaruh gender dan polar partisipasi dalam politik di dalam kertas kerjanya yang bertajuk **Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan Strategi Bagi Calon-calon Wanita (1998)**. Beliau menyenaraikan lima cabaran utama yang menyebabkan kurangnya penglibatan dan penyertaan kaum wanita dalam politik. Pertama, kerana pandangan masyarakat diikuti oleh faktor masa, faktor agama, struktur parti dan kekurangan sumber.⁶³ Kesemua cabaran-cabaran ini mempunyai kaitan dengan persepsi masyarakat terhadap gender yang menghalang perkembangan politik wanita.

Rashila Ramli (1998) juga menyebut, adalah perlu untuk melihat dan menilai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh calon wanita kerana ini akan memberi gambaran yang sebenar tentang perkembangan partisipasi wanita dalam politik.⁶⁴ Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ahli-ahli politik wanita itu besar kemungkinan mewakili

⁶³ Rashila Ramli, "Pembangunan Politik dan Gender", m.s. 155.

⁶⁴ Ibid., m.s. 154.

A510789481

permasalahan-permasalahan yang turut dihadapi oleh wanita di bahagian akar umbi. Menurut kajian beliau, calon-calon wanita daripada parti kerajaan dan pembangkang⁶⁵ terpaksa berhadapan dengan masalah masa dalam membahagikan kerjaya mereka sebagai ahli politik dan surirumah. Berbanding dengan calon lelaki, ahli politik wanita terpaksa memikul beban tugas yang lebih berat. Dalam lingkungan umur 30 tahun hingga 40 an, ahli politik wanita tidak dapat bergerak aktif kerana masa yang perlu diperuntukkan untuk mengurus anak-anak serta keperluan rumahtangga terbatas.

Antara faktor lain adalah pandangan masyarakat yang masih kolot serta tidak dapat menerima wanita dalam kehidupan awam seperti politik. Struktur parti yang hanya memberi peluang dan ruang kepada golongan tertentu merupakan masalah yang bukan hanya dihadapi oleh calon wanita tetapi calon lelaki juga. Rashila Ramli (1998) menegaskan lagi, faktor kekurangan sumber seperti wang, tenaga kerja dan media lebih membebankan calon-calon daripada parti pembangkang.

Kesimpulan daripada kajian beliau menunjukkan wujudnya ketidaksamaan hubungan gender dalam politik. Ia menunjukkan adanya unsur-unsur jurang gender dalam mengenalpasti cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh calon-calon pilihanraya. Kaum lelaki hanya berdepan dengan masalah struktur politik atau parti dan masa manakala bagi kaum wanita pula, masalah kesempitan masa, struktur politik, faktor sumber dan agama di samping terpaksa berdepan dengan persepsi masyarakat yang seringkali tidak memihak kepada golongan wanita terutama apabila melibatkan kehidupan awam. Tambahan pula penglibatan wanita akan menyebabkan wujudnya rasa tidak puas hati di kalangan lelaki yang terpaksa bersaing dengan mereka dan ini sudah tentu menyukarkan lagi laluan wanita dalam politik.

⁶⁵ Calon wanita daripada parti pembangkang mewakili DAP sahaja kerana PAS tidak meletak calon wanita untuk bertanding dalam pilihanraya. Ibid.

Dalam satu kajian lain, Rashila Ramli & Saliha Hassan (1998) mengupas tentang corak dan struktur penglibatan wanita dalam politik. Mereka menilai komitmen dan ideologi wanita yang terlibat dalam politik dengan melihat kepada pengaruh gender dalam pemilihan parti serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Mereka cuba mengenalpasti *trends*, permasalahan dan prospek politik yang mempengaruhi penglibatan wanita dalam politik.

Kajian Rashila Ramli dan Saliha Hassan (1998) mengambilkira perkembangan sosio-ekonomi Rancangan Malaysia Pertama (1965-1969) yang memberi impak besar dalam politik. Antara kesannya, kaum Melayu diberi perlindungan politik sebagai penduduk peribumi.⁶⁶ Ini telah menimbulkan kemarahan kaum Cina dan kemuncak kemarahan ini tercetusnya tragedi 13 Mei akibat kekalahan Parti Perikatan dalam pilihanraya 1969.⁶⁷ Sebagai satu langkah politik untuk menjamin perpaduan kaum dan kesejahteraan negara terpelihara, Dasar Ekonomi Baru atau DEB telah diperkenalkan.⁶⁸ Secara tidak langsung dasar ini telah membantu meningkatkan kedudukan kaum wanita dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Ia telah membuka peluang yang lebih besar kepada kaum wanita untuk berkecimpung dalam bidang awam. Dengan itu berlaku perubahan sosial di kalangan wanita yang menyebabkan mereka berpeluang untuk mendapat pendidikan yang lebih tinggi dan keluar bekerja. Perubahan sosio-ekonomi ini sekaligus membawa perubahan kepada corak dan struktur penglibatan wanita dalam politik juga berubah.

⁶⁶ Rashila Ramli & Saliha Hassan, "Trends and Forum of Women's Participation in Politics" dalam Sharifah Zaleha Syed Hassan (pnyt), **Malaysian Women In The Role of Change**, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1998, m.s. 88-89.

⁶⁷ Ibid., m.s. 91.

⁶⁸ Ibid., m.s. 89.

Rashila Ramli dan Saliha Hassan (1998) juga menyatakan bahawa penglibatan kaum wanita di dalam politik berdasarkan kepada tiga dimensi ideologi pemikiran dan kefahaman yang berbeza. Pertama, bermula dari tahun 1940-1960, struktur dan corak penglibatan wanita disebabkan oleh semangat kebangsaan serta keinginan untuk memerintah negara sendiri.⁶⁹ Pada tahun 1970-1980 pula, penglibatan kaum wanita dipengaruhi oleh industrialisasi dan modenisasi yang dibawa oleh kepimpinan 2M iaitu Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam. Pada masa ini wanita telah mula menikmati pelbagai kejayaan akibat daripada pembangunan industri dan modenisasi yang berlaku. Oleh kerana kaum wanita sudah mula menikmati peluang pendidikan yang lebih luas dalam pendidikan maka golongan ini keluar sebagai golongan yang berkeyakinan untuk menyampaikan pendapat masing-masing kepada masyarakat.⁷⁰ Namun begitu, perkembangan ini hanya melibatkan wanita UMNO sahaja. Wanita PAS sebaliknya memberi lebih ruang kepada kaum lelaki untuk bergerak aktif dan hanya menyokong daripada belakang. Manakala bagi wanita bukan Melayu pula, mereka menghadapi masalah untuk mempengaruhi wanita-wanita yang terpelajar dan profesional menyertai parti. Hal ini berlaku kerana empat faktor utama iaitu rasa tanggungjawab di rumah, komitmen kepada kerjaya, merasa tidak yakin untuk terlibat dalam politik dan diskriminasi gender yang wujud dalam parti-parti politik.⁷¹ Rashila Ramli dan Saliha Hassan (1998) membuat kesimpulan bahawa wanita di akhir 80-an adalah pasif dan mereka yang terlibat dalam politik hanya menjalankan aktiviti yang menolong agenda parti, bukan untuk kepentingan wanita itu sendiri.

⁶⁹ Ibid., m.s. 90-92.

⁷⁰ Ibid., m.s. 92-93.

⁷¹ Ibid., m.s. 93.

Dalam tahun 1990-an pula penglibatan wanita dalam politik adalah lebih serius, tetapi penglibatan dan imej pemimpin wanita masih di takuk lama iaitu semata-mata sebagai penyokong kepada pemimpin lelaki. Kemajuan wanita di dalam parti dan peranan mereka sebagai ahli yang aktif atau pasif di persoalkan berikutan dengan kedudukan wanita pada peringkat membuat keputusan masih rendah.⁷² Namun begitu, isu-isu seperti kurangnya kesedaran dan penyertaan wanita di dalam politik, tiada ruang dan peluang untuk ahli politik wanita terlibat di peringkat kepimpinan parti serta permasahan ekonomi dan sosial dibangkitkan oleh aktivis politik wanita.⁷³ Golongan wanita di akhir tahun 1990-an cergas dalam arena politik tetapi secara berkumpulan melalui badan-badan bukan kerajaan. Golongan ini juga giat menyuarakan tentang persoalan-persoalan mengenai undang-undang keluarga yang masih belum mampu membela nasib kaum hawa.

Kajian Rashila Ramli dan Saliha Hassan terhadap calon-calon pilihanraya 1995 menunjukkan ahli-ahli politik wanita semakin peka, sensitif dan komited terhadap pembangunan politik tanah air. Namun, wanita masih lagi dikongkong oleh politik kepartian yang tidak menitikberatkan persamaan dalam hubungan gender. Rashila Ramli dan Saliha Hassan (1998) mendakwa ahli politik wanita sudah bersedia untuk berganding bahu dengan kaum lelaki untuk memajukan politik Malaysia malangnya mereka tidak diberi ruang dan peluang untuk berbuat demikian.

Kamilia Ibrahim (1998) menggariskan faktor utama yang mempengaruhi corak penglibatan wanita dalam politik ialah budaya terlalu bergantung kepada orang lain yang

⁷² Ibid., m.s. 93-95.

⁷³ Ibid.

menyebabkan wanita subordinat kepada lelaki dan kebangkitan semula Islam.⁷⁴ Ini jelas kerana kebanyakan wanita di peringkat akar umbi terlalu bergantung kepada pemimpin lelaki dari segi kewangan untuk menjalankan aktiviti. Oleh itu adalah penting bagi kaum wanita belajar untuk menyoal setiap persoalan yang timbul dalam politik dan bukan menerima bulat-bulat apa yang dikatakan oleh kepimpinan lelaki.

Menurut Kamilia Ibrahim (1998), penglibatan wanita dalam politik banyak bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pemimpin wanita di peringkat tinggi. Beliau menggariskan tiga corak pimpinan wanita UMNO iaitu Fatimah Hasyim, Aishah Ghani, dan Rafidah Aziz. Fatimah Hasyim mengamalkan sikap menerima struktur politik Melayu yang meletakkan peranan kaum lelaki lebih besar dan menguasai kaum wanita.⁷⁵ Beliau berjaya menjalinkan hubungan yang baik dengan pucuk pimpinan seperti Tunku Abdul Rahman. Dengan cara ini juga, beliau dikatakan berjaya melobi Tunku untuk mendapatkan gaji sama rata bagi kaum wanita.⁷⁶

Manakala Aishah Ghani pula memberi tumpuan untuk membawa masuk wanita terpelajar menerajui kepimpinan kaum wanita dalam UMNO. Sementara Rafidah Aziz pula menggalakkan wanita agar lebih aktif bukan sahaja dalam bidang politik, tetapi dalam bidang sosial dan ekonomi di samping mengingatkan mereka tentang pentingnya peranan wanita dalam pilihanraya. Beliau turut melatih kaum wanita UMNO agar lebih peka dengan isu-isu di peringkat nasional dan antarabangsa. Malangnya usaha beliau ini kurang mendapat sambutan berikutan sikap ahli parti yang masih lagi akur dengan budaya parti yang meletakkan wanita sebagai penyokong lelaki. Tambahan pula menurut

⁷⁴ Kamilia Ibrahim, "The Involvement of Malay Women in Politics and The Need For A Paradigm Shift", dalam Sharifah Zaleha Syed Hassan (pnyt), **Malaysian Women in The Wake of Change**, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1998, m.s. 109.

⁷⁵ Ibid., m.s. 106.

sesetengah ahli, Rafidah Aziz adalah tokoh wanita yang sukar didekati oleh golongan peringkat bawahan.⁷⁷ Ini menyumbang kepada kekalahan beliau kepada Dr. Siti Zaharah Sulaiman semasa pertandingan merebut jawatan Ketua Wanita UMNO pada tahun 1996. Kamilia Ibrahim (1998) memperkatakan betapa pentingnya perubahan dalam PWU bagi menjamin suara wanita didengari. Namun begitu, beliau tidak pula membicarakan tentang dua tokoh utama PWU yang dikatakan membawa identiti dan perubahan yang tersendiri kepada perjuangan PWU iaitu Ibu Zain dan Khadijah Sidek. Padahal mereka lah yang banyak mempengaruhi wanita-wanita Melayu untuk menyertai PWU.⁷⁸

1.4. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan dalam kajian ini menggunakan pelbagai disiplin melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif. Ia meliputi empat kaedah utama iaitu penyelidikan perpustakaan, soalselidik, wawancara atau temubual dan pemerhatian .

1.4.1. Kaedah Pengumpulan Data

1.4.1.1. Penyelidikan Perpustakaan

Pada peringkat awal, maklumat mengenai latar belakang kajian akan dikumpulkan melalui kajian perpustakaan. Ia dibuat untuk mencari sumber data dan maklumat asas yang berupa buku, majalah, dokumen dan jurnal untuk mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pembangunan wanita dalam politik dan isu-isu mengenai sasaran

⁷⁶ Manderson,,op. cit, m.s. 310.

⁷⁷ The Star, 1996.

⁷⁸ Sila lihat Manderson (1981) yang menerangkan dengan panjang lebar peranan yang dimainkan oleh Ibu Zain sejak penubuhan PWU. Beliau juga menyentuh mengenai perjuangan agresif Khadijah Sidek menuntut hak kaum wanita dalam politik dan parti. Manderson, op.cit., m.s. 169-173 dan 227-228.

kajian. Pada masa yang sama penyelidikan perpustakaan juga akan menolong pengkaji mendapatkan maklumat berkenaan sosio-ekonomi dan politik wanita yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu untuk dijadikan rujukan.

Peringkat awal kajian ini adalah penting untuk mendapat gambaran yang lebih jelas kepada penyelidik tentang isu-isu yang berkaitan dengan topik kajian. Di samping itu, ia membantu penyelidik untuk mendapat gambaran awal mengenai wanita dalam politik dan menolong serta membantu penyelidik mengumpul serta menganalisa maklumat-maklumat utama yang berkaitan. Namun dipercayai maklumat-maklumat yang diperolehi daripada kajian perpustakaan tidak dapat menjawab persoalan yang diutarakan dalam penyelidikan ini kerana kajian-kajian terdahulu mempunyai tujuan dan objektif yang berlainan.

1.4.1.2. Penyelidikan dengan menggunakan borang soalselidik

Pada peringkat kedua, maklumat atau data juga dikumpulkan dengan menggunakan borang soal-selidik. Ia adalah penting untuk mendapatkan butir-butir yang diperlukan mengenai peranan wanita UMNO dan wanita PAS, perbezaan atau persamaan kedua golongan ini serta faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan mereka dalam politik.

1.4.1.2.1. Borang Soalselidik

Borang soalselidik diedarkan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama iaitu sasaran utama kajian ini ialah wanita Melayu yang menjadi ahli parti PAS atau UMNO. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kawalan, maka sampel kawalan terdiri daripada

ahli lelaki parti PAS dan UMNO. Pengkaji berpendapat penggunaan responden lelaki dan wanita akan memberi gambaran yang lebih seimbang tentang hubungan gender dan politik. Dengan kata lain kumpulan kawalan ini bertindak sebagai ‘check and balance’.

Borang soal selidik terbahagi kepada tujuh bahagian. Bahagian pertama menyoal tentang demografi responden termasuk jantina, umur, tempat dilahirkan, taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan, taraf perkahwinan dan bilangan anak. Maklumat mengenai latarbelakang diri responden adalah penting untuk membuat perbandingan di antara dua kumpulan sasaran kajian; wanita UMNO dan PAS. Sementara bahagian kedua pula menyentuh mengenai latarbelakang penglibatan responden dalam politik. Antara aspek yang disoal ialah penglibatan responden dan pasangan sebagai ahli parti politik, jawatan yang dipegang, keaktifan dalam politik, faktor-faktor yang mendorong, aktiviti-aktiviti politik serta halangan dalam politik.

Bahagian ketiga menjurus kepada pandangan dan pemahaman responden mengenai politik dengan menilai pendapat mereka tentang definisi dan kuasa politik, sumbangan yang boleh diberikan, jenis parti yang sesuai dan perkaitan di antara agama dengan politik. Ia adalah perlu untuk mengukur kefahaman politik responden. Tingkah laku dan sikap terhadap peranan gender di dalam arena politik juga dinilai dengan menyoal peranan dan penglibatan wanita dalam politik, permasalahan yang perlu diberi perhatian oleh pemimpin, diskriminasi gender dan kepimpinan wanita. Di samping itu, pandangan responden terhadap jenis-jenis pekerjaan yang sesuai bagi lelaki dan wanita juga dinilai. Penggunaan soalan ini adalah bertujuan untuk meninjau sejauhmana responden melihat ekspektasi peranan yang sesuai dimainkan oleh wanita dan lelaki.

Borang soalselidik ini juga mengandungi soalan yang mengkaji tentang pandangan responden terhadap perbezaan kelakuan politik wanita dan lelaki. Ia bertujuan untuk melihat sejauhmana penglibatan wanita dan lelaki berbeza dalam politik. Penglibatan ahli keluarga semasa berpolitik, perhubungan di dalam parti, cabaran yang perlu ditempuhi dan langkah-langkah yang perlu diambil disoal bagi memenuhi tujuan kajian. Bahagian keenam pula berkisar tentang kesedaran politik kaum lelaki dan wanita. Persepsi dan sikap kedua kumpulan sasaran ini dinilai dengan melihat kepada pandangan dan keutamaan terhadap sikap, minat, karakter kepimpinan, aktiviti-aktiviti utama dan matlamat pergerakan wanita. Bahagian ini bertujuan untuk mengkaji sikap politik lelaki dan wanita.

Bahagian ketujuh pula merupakan kenyataan mengenai pembabitan wanita dalam politik yang mengkaji tindak balas lelaki dan wanita ke atas isu-isu gender. Ia menggunakan kaedah skala Likert yang terdiri daripada lima skala iaitu Sangat Setuju, Setuju, Neutral, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju. Pernyataan-pernyataan ini merangkumi lima perkara utama iaitu hubungan gender dalam keluarga, hubungan gender dan penglibatan wanita dalam politik, ekspektasi peranan hubungan gender dan pengaruhnya dalam politik, hubungan gender dan perkaitannya dengan kelakuan politik wanita dan lelaki, serta kesedaran politik wanita dan lelaki.

1.4.1.2.2. Persampelan

Populasi untuk kajian ini merangkumi kaum wanita dan lelaki Melayu yang menjadi ahli parti PAS atau UMNO di Terengganu dan Selangor. Selangor dipilih kerana negeri ini merupakan pusat kegiatan aktiviti politik terutama parti UMNO. Cara pemikiran politik dan kehidupan seharian golongan wanita ini mungkin berbeza

berbanding dengan wanita di pantai timur. Sebelum pilihanraya 1999, Selangor merupakan kubu kuat Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO. Tetapi keadaaan politik dan kemenangan beberapa kerusi Dewan Undangan Negeri dalam pilihanraya 1999 menyaksikan pengaruh parti pembangkang terutama PAS mula menular dan mempunyai pengaruh yang agak besar di Selangor. Walaupun begitu, UMNO masih lagi menguasai politik negeri Selangor dan hanya empat orang ahli politik PAS yang memenangi kerusi pilihanraya. Pemilihan Selangor sebagai kawasan kajian adalah wajar untuk menilai peranan wanita UMNO dan PAS dalam politik.

Terengganu pula dipilih kerana negeri ini masih baru dikuasai oleh PAS. Sebelum pilihanraya 1999, Terengganu dikuasai oleh UMNO dan PAS hanya memegang beberapa kerusi sahaja dalam Dewan Undangan Negeri. Tetapi selepas pilihanraya 1999, PAS mengambil alih teraju pemerintahan di Terengganu. Namun begitu, pengaruh UMNO masih diterima. Ini terbukti dengan pemilihan empat orang ahli politik UMNO ke Dewan Undangan Negeri oleh rakyat. Dengan itu pemilihan Terengganu sebagai kawasan kajian adalah wajar untuk menilai peranan wanita PAS dan UMNO dalam politik.

Pengkaji merasakan pemilihan responden daripada kedua negeri ini adalah wajar memandangkan fenomena politik yang wujud di kedua negeri ini memberi gambaran bahawa kuasa PAS dan UMNO di Selangor dan Terengganu berada dalam keadaan yang setara.

Borang soal selidik diedarkan kepada 8 kawasan kawasan parlimen yang dipilih secara rawak di kedua-dua negeri tersebut. Negeri Terengganu mempunyai 8 kawasan Parlimen. Bagi negeri Selangor yang mempunyai 17 kawasan Parlimen, penulis memilih

secara rawak 8 kerusi Parlimen yang dimenangi oleh calon UMNO. Ini adalah untuk mencari persamaan latar belakang tempat pemilihan responden. Sampel-sampel dari negeri Terengganu berada di bawah pemerintahan PAS manakala sampel dari negeri Selangor berada dalam permerintahan UMNO.

Rajah 1.1: Pemilihan Kawasan Parlimen sebagai Kawasan Persampelan

SELANGOR	TERENGGANU
SABAK BERNAM	BESUT
TANJUNG KARANG	SETIU
GOMBAK	KUALA TERENGGANU
HULU LANGAT	KUALA NERUS
SHAH ALAM	KEMAMAN
KUALA LANGAT	DUNGUN
KUALA SELANGOR	HULU TERENGGANU
SEPANG	MARANG

Sumber: Kaji Selidik Penulis (2000)

Di negeri Terengganu, setiap kawasan atau bahagian parti dibahagikan pula kepada 4 DUN atau Dewan Undangan Negeri.⁷⁹ Bilangan cawangan parti di setiap DUN sama ada parti UMNO atau PAS adalah tidak sama. Di Selangor pula, setiap kawasan atau bahagian dibahagikan kepada tiga bahagian. Namun begitu, kawasan Petaling Jaya Utara dan Petaling Jaya Selatan serta Klang hanya mempunyai 2 DUN.

⁷⁹ Sila lihat Lampiran E. Wakil-wakil yang memenangi Dewan Undangan Negeri ini menjadi Wakil rakyat dan bersidang dalam Dewan Negeri. PAS menguasai 28 DUN manakala UMNO pula hanya 1 DUN.

Setelah mengenalpasti populasi kajian, pemilihan sampel kajian dan sampel kawalan dibuat dengan penggunaan kaedah sampel rawak.⁸⁰ Dengan berpandukan kepada senarai bahagian dan kawasan perwakilan PAS dan UMNO, maka responden dipilih secara rambang rawak. Jumlah sasaran sampel ialah 400 orang. Adalah perlu dinyatakan di sini bahawa setiap cawangan mempunyai 15 orang ahlijawatankuasa yang aktif. Sampel yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada ahli parti yang aktif dan memegang jawatan dalam parti. Tetapi terdapat sebilangan besar sampel yang enggan menyatakan jawatan yang dipegang, cukup sekadar dinyatakan sebagai ahli parti yang aktif. Pecahan persampelan soal selidik adalah seperti berikut;

Rajah 1.2: Pecahan Persampelan Borang Soal Selidik

KAWASAN	JUMLAH EDARAN	JUMLAH DIPULANGKAN	JUMLAH YANG DIPAKAI
TERENGGANU	200	139	136
SELANGOR	200	140	135
JUMLAH	400	279	271

Sumber: Kaji Selidik Penulis (2000)

Rajah 1.3: Pecahan Borang Soalselidik Mengikut Responden

KAWASAN	PAS		UMNO	
	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN
TERENGGANU	37	38	35	33
SELANGOR	32	31	36	37
JUMLAH	69	39	71	70

Sumber: Kaji Selidik Penulis (2000)

⁸⁰ Sehingga kajian ini ditulis, pengkaji masih belum dapat mengumpul maklumat lengkap mengenai keahlian wanita dan lelaki di dalam UMNO dan PAS.

Rajah 1.4: Proses Pemilihan Sampel

- | | |
|------|--|
| (i) | Mengenalpasti sasaran kajian di peringkat negeri-negeri yang terpilih. Pemilihan dibuat secara rambang rawak dengan mendapatkan nama dan alamat ahli parti di pejabat-pejabat cawangan UMNO dan PAS di negeri Selangor dan Terengganu. Pengkaji bercadang untuk memilih sampel kajian berdasarkan kepada kemudahan untuk mendapatkan sampel bagi setiap bahagian di setiap negeri. |
| (i) | Kebenaran daripada Ketua Bahagian/Kawasan diperolehi sebelum kajian dijalankan |
| (ii) | Setelah mendapat kelulusan daripada pihak-pihak berkenaan, borang soalselidik diedarkan. |

Sumber: Kaji Selidik Penulis (2000)

Terlebih dahulu pengkaji memberi penerangan kepada responden tentang soalan-soalan yang diduga sukar untuk dijawab seperti soalan yang bertanyakan tentang diskriminasi gender dan cara menjawab soalan-soalan yang mempunyai skala sebelum soalan-soalan diserahkan kepada mereka untuk dijawab. Ini dilakukan kerana pengkaji bimbang kerja-kerja pengedaran borang soalselidik tidak dapat dihabiskan dalam masa yang telah ditetapkan. Dalam masa sehari pengkaji hanya mampu memperolehi seorang atau dua orang responden sahaja untuk ditemubual.⁸¹ Jumlah sampel yang diperolehi pada permulaan kajian amat kecil. Dalam masa tiga bulan didapati sambutan daripada sampel tidak memuaskan. Ada di kalangan ahli parti yang ingin mengambil bahagian dalam kajian ini tetapi tidak mempunyai masa.

Pengkaji mengunjungi bahagian/kawasan yang terpilih untuk mengedarkan borang soalselidik. Pengkaji juga meminta bantuan penduduk tempatan untuk memudahkan kerja-kerja kajian dan menjimatkan masa. Pertolongan mereka adalah

penting supaya pengkaji dapat menjalin hubungan dan dipercayai oleh sampel. Tempoh kajian ini dilakukan selama empat bulan mulai Jun-September.

Pengkaji juga akur bahawa setelah pemilihan sampel dilakukan dan kerja-kerja dilapangan dimulakan, kajian ini masih tidak dapat memberi gambaran sebenar tentang pegangan, pandangan atau prinsip keseluruhan ahli parti PAS dan UMNO. Kajian ini hanya sekadar mewakili pandangan segelintir ahli parti PAS dan UMNO yang terdiri daripada lelaki dan wanita mengenai hubungan gender dalam politik.

1.4.2.2. Penyelidikan secara wawancara/temubual

Kaedah wawancara dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumbalas daripada pucuk pimpinan parti UMNO dan PAS mengenai peranan wanita dalam politik. Wawancara ini merangkumi ahli UMNO dan PAS, lelaki dan wanita termasuk Timbalan Menteri, wakil rakyat, senator, presiden parti dan perwakilan parti atau ahli biasa. Temubual bersama golongan ini adalah penting untuk mendapatkan perbandingan dan penilaian yang seimbang mengenai kedudukan wanita UMNO dan wanita PAS.

Bilangan yang ditemubual seramai 32 orang iaitu 10 orang wanita UMNO, 10 orang wanita PAS, 6 orang lelaki UMNO dan 6 orang lelaki PAS. Melalui kaedah ini, pengkaji berpeluang memperolehi maklumat-maklumat bersifat peribadi dan sulit mengenai pandangan mereka tentang peranan wanita dalam politik amnya dan parti khasnya daripada responden. Jawapan yang diberikan lebih jitu serta pengesahan jawapan diteliti melalui nada suara.

⁸¹ Sebab-sebabnya akan dibincangkan di dalam bahagian masalah kajian di halaman 48-50.

1.4.2.3. Pemerhatian Turut Serta

Kaedah pemerhatian turut serta membantu pengkaji menilai kebenaran dan kesahihan maklumat yang diperolehi daripada soalselidik mengenai kegiatan dan peranan golongan wanita yang dikaji. Penyelidik menghadiri ceramah, seminar dan program-program yang dianjurkan oleh mereka seperti majlis-majlis dialog, forum, ceramah-ceramah kelompok dan program-program kemasyarakatan. Secara tidak langsung ini menolong penyelidik mendekati kedua golongan ini dengan lebih baik serta meneliti beberapa perkara berkaitan yang mungkin tidak dapat diperolehi secara telus melalui wawancara.

Antara perkara-perkara yang diteliti semasa pemerhatian turut serta ialah

- a) Interaksi sosial di antara ahli-ahli parti wanita dan lelaki, sesama ahli wanita dan di antara pucuk pimpinan dengan golongan bawahan.
- b) Komunikasi ‘*verbal*’ dan ‘*non-verbal*’ yang meliputi topik-topik perbualan semasa persidangan, cara/gaya menyampaikan isu dengan melihat perbezaan atau persamaan di antara sampel utama kajian dan sampel kawalan.

Di samping itu, penyelidik juga menghadiri Persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Parlimen yang diadakan dari 15 Februari–9 Mei 2000, Persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu (7-9/5/2000), Perhimpunan Agung UMNO (10-13/5/2000) dan Muktamar Tahunan PAS (1-4/6/2000) untuk meninjau peranan dan tingkah laku wakil-wakil lelaki dan wanita semasa persidangan. Ini menolong penyelidik membuat pemerhatian terhadap *political behaviour* ahli politik lelaki dan wanita.

1.5. MASALAH KAJIAN

Masalah utama dalam penyelidikan ini ialah kesukaran untuk mendapatkan jumlah sampel yang dikehendaki. Ini disebabkan kerana:

1. Kurang kerjasama daripada responden di atas pelbagai alasan:

- a. Kebanyakan para responden memandang serong terhadap kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Responden bimbang pengkaji akan menyoal perkara yang dianggap sensitif berhubung dengan penglibatan mereka dalam parti politik dan menyiarkannya kepada umum. Di negeri Terengganu, masalah dihadapi dengan ahli-ahli UMNO yang tidak memberi kerjasama kerana sebab di atas. Semenjak PAS mengambil alih pemerintahan di Terengganu mereka bimbang dikenakan sebarang tindakan atau dipandang serong oleh jiran-jiran yang menyokong PAS. Manakala ahli PAS di negeri Selangor pula khuatir sekiranya identiti penglibatan mereka dalam parti pembangkang diketahui oleh kerajaan dan dikenakan tindakan. Sesetengah responden menyoal tentang pendirian pengkaji terhadap politik kepartian sebelum bersetuju menjawab soal-selidik.
- b. Sambutan tidak menggalakkan kerana para responden beranggapan soalan-soalan yang dikemukakan terlalu peribadi dan mereka tidak mahu nama mereka dikaitkan.
- c. Sesetengah sampel enggan menjawab dengan alasan tidak tahu walaupun pengkaji difahamkan yang mereka merupakan ahli parti yang aktif. Sampel berkenaan menyuruh pengkaji mendapatkan sampel yang lain. Terdapat beberapa calon sampel yang ingin bekerjasama dengan syarat rakan-rakan mereka turut disoal.

- d. Masalah masa timbul kerana masa yang diambil oleh responden untuk menjawab soal selidik adalah berbeza mengikut kategori kumpulan responden. Golongan wanita yang berusia dan tidak berpendidikan mengambil masa paling lama untuk menjawab. Kadangkala jawapan yang diberikan meleret-leret serta lebih banyak menyelitkan kisah keluarga. Pengkaji terpaksa mengulangi soalan yang sama supaya responden dapat memahami dengan lebih jelas. Ada beberapa kes yang memerlukan pengkaji mendapatkan pertolongan orang perantaraan supaya sampel dapat menjawab soalan-soalan dengan cepat dan tepat.

Bagi golongan surirumah pula, pertama surirumah yang mengambil masa satu jam setengah untuk menjawab sekiranya sesi tidak diganggu. Mereka menghabiskan masa untuk berbual dengan bertanyakan pelbagai soalan kepada pengkaji berkenaan diri pengkaji dan bukannya tentang kajian yang dilakukan. Kedua, surirumah yang mengambil masa lebih daripada satu jam setengah. Mereka ini ditemubual sambil menguruskan kerja-kerja rumahtangga seperti mengemas rumah atau sibuk melayan keranah anak-anak.

Bagi sampel lelaki pula, tempoh temubual ialah satu jam sekiranya sesi tersebut tidak diganggu. Tetapi lazimnya temubual dengan sampel lelaki diselangi oleh panggilan telefon, minum, atau perjumpaan dengan orang lain yang mengambil masa dua jam untuk selesai.

Manakala sampel lelaki atau wanita menjawab soalselidik tanpa kehadiran pengkaji tidak dapat diketahui tempoh masa yang diambil. Borang hanya dipulangkan seminggu selepas diberikan. Ada juga di kalangan mereka yang hanya mengisi separuh sahaja soalan-soalan tersebut. Akibatnya terdapat borang-borang yang tidak dapat digunakan untuk dianalisa.

Kekurangan bahan maklumat terutama mengenai DMP juga merupakan masalah yang terpaksa dihadapi oleh pengkaji. Bahan-bahan penulisan lebih banyak menyentuh mengenai peranan wanita UMNO dalam politik. Selain daripada itu, tidak ramai penulis tempatan yang membincangkan tentang permasalahan wanita dalam politik dari perspektif gender. Kebanyakan bahan penulisan adalah dari karya-karya Barat yang menulis tentang wanita, gender dan politik di negara-negara Barat.

Selain daripada itu, timbul juga masalah untuk mendapatkan kerjasama daripada DMP bagi memperolehi data dan maklumat mengenai pergerakan itu. Hingga penulisan ini dibuat masih belum ada sebarang balasan daripada pihak DMPP mengenai permohonan penyelidik untuk mendapatkan maklumat mengenai wanita PAS.